



13 APRIL 2024



JAKOA nafi Kampung Orang Asli Selai dipinggirkan

Segamat: Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) menafikan dakwaan bahawa Kampung Orang Asli Selai, Bekok, di sini, dipinggirkan berhubung pembaikan kolam takungan air (tandak).

Dalam kenyataan, Jakoa Johor memaklumkan kampung itu sudah menerima bekalan air daripada pelbagai sumber yang dibangunkan agensi terbabit.

Menurutnya, sebaliknya bekalan tandak sedia ada dibangunkan sendiri oleh penduduk kampung.

"Jakoa sedang menaik taraf sistem bekalan elektrik dalam sistem rawatan air di kampung berkenaan.

"Kontraktor penyelenggaraan juga melantik individu untuk menyelia sistem rawatan air dengan bayaran RM400 setiap bulan bagi memastikan ia beroperasi dengan baik," menurut kenyataan berkenaan.

Pada Jumaat lalu, penduduk kampung berkenaan dilaporkan terpaksa menggunakan kayu dan batu dalam usaha membaiki paip serta tandak mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Orang Asli Johor, Achai@Juti Kais dipetik berkata, ini kerana penduduk kampung dilanda masalah bekalan air dan kekurangan air paip selama setahun.

Mengulas lanjut, Jakoa Johor mendakwa penduduk turut menerima bantuan kewangan sebanyak RM1,000 daripada kontraktor penyelenggaraan sistem rawatan air bagi membaiki pulih sistem tandak itu.

Menurutnya, pihaknya sentiasa memastikan penduduk Kampung Orang Asli Selai tidak ketinggalan dalam menerima pembangunan seperti perkampungan Orang Asli yang lain di negeri ini.

"Kampung itu dilengkapi pelbagai kemudahan asas seperti bekalan elektrik, jalan premix serta bekalan air daripada pelbagai sumber," kata kenyataan itu